

BANK ISLAM SEDIA PENGALAMAN PERBANKAN MENYELURUH DARI MALAYSIA KE TANAH SUCI

Urusan Dipermudah, Lebih Tenang Beribadah bagi jemaah haji Malaysia

KUALA LUMPUR, Selasa, [12 Mei 2026]: Sebagai sebuah institusi perbankan Islam dengan penyelesaian patuh Syariah yang lengkap, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) peka bahawa ibadah haji bukan sekadar satu perjalanan fizikal dan kerohanian, tetapi juga amanah dan impian seumur hidup.

Berteraskan kepercayaan ini, Bank Islam tampil menyediakan penyelesaian perbankan haji yang menyeluruh dan bersepadu, mengiringi jemaah dengan sokongan kewangan yang boleh dipercayai dan memberi ketenangan minda, bermula dari persiapan di tanah air sehingga ke pelaksanaan ibadah di Makkah dan Madinah.

Sebagai rakan strategik utama Lembaga Tabung Haji (TH) pada Musim Haji 1447H, Bank Islam terus memperkukuh peranannya dalam menyokong keperluan kewangan jemaah haji Malaysia melalui ekosistem perbankan yang dirangka khusus bagi memastikan urusan dapat dilaksanakan dengan lancar, cekap dan selamat. Pendekatan menyeluruh ini membolehkan jemaah memberi sepenuh perhatian kepada ibadah, tanpa dibebani kebimbangan berkaitan pengurusan kewangan.

Di peringkat domestik, jemaah boleh membuat persiapan awal melalui lebih 130 rangkaian cawangan Bank Islam di seluruh negara termasuk urusan berkaitan Tabung Haji, pengurusan dana serta khidmat perbankan runcit. Antara kemudahan perbankan yang disediakan adalah penulisan wasiat dengan melantik wasi yang akan memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka, Takaful myClick Travel PA bagi perlindungan kewangan perubatan dan peribadi sehingga RM500,000, bantuan kecemasan 24/7 serta manfaat pemindahan perubatan kecemasan dan penghantaran pulang ke tanah air.

Jemaah yang ingin membuat simpanan dan pelaburan boleh memilih untuk membuka akaun Awfar iaitu produk pelaburan transaksi *signature* Bank Islam yang menyediakan kemudahan pindahan dana, pembayaran bil dan pembelian dalam talian, di samping berpeluang menerima ganjaran menarik menerusi cabutan Awfar yang menawarkan hadiah terkumpul bernilai RM18 juta setahun.

Keseluruhan penawaran ini turut diperkasakan oleh platform perbankan digital Bank Islam, aplikasi BIMB Mobile by Bank Islam (BIMB Mobile) dan platform BIMB Web by Bank Islam (BIMB Web). Kedua-dua kemudahan digital ini membolehkan pelanggan membuka dan memantau akaun mereka serta menyempurnakan transaksi dengan mudah sebelum berangkat ke Tanah Suci.

Satu kemudahan khusus untuk jemaah Malaysia adalah penyediaan Kad Debit-i Bank Islam Visa TH. Pemegang kad boleh membuat pembelian runcit dengan pengesahan PIN atau pembayaran tanpa sentuh (*contactless*), di lebih 60 juta lokasi saudagar (*merchant*). Di samping itu, pengeluaran wang tunai juga boleh dibuat dengan lebih selamat dan mudah di lebih 2.5 juta terminal layan diri (ATM) di seluruh dunia termasuk Arab Saudi.

Bank Islam memberi pengecualian fi untuk pengeluaran tunai di ATM VISA Plus di Arab Saudi sepanjang musim Haji ini. Walau bagaimanapun, pengendali ATM mungkin mengenakan caj transaksi tempatan yang berada di luar kawalan Bank Islam. Usaha ini sekali gus membantu pengurusan tunai jemaah termasuk meringankan mereka daripada menanggung kos tambahan dan keperluan membawa wang tunai dalam jumlah besar.

Selain Kad Debit-i, Bank Islam turut menawarkan rangkaian Kad Kredit-i dengan pulangan tunai dan mata ganjaran yang menarik, sesuai untuk perbelanjaan harian serta perjalanan ke luar negara. Dari sekarang sehingga 31 Mei 2026, pelanggan baharu Kad Kredit-i Bank Islam boleh menikmati Pemindahan Baki 0% sehingga 12 bulan, memberikan fleksibiliti yang lebih baik untuk menggabungkan baki sedia ada dan mengurangkan kos pembiayaan.

Bank Islam juga memudahkan urusan pertukaran 30 jenis mata wang asing tanpa yuran dan caj secara pindahan akaun atau tunai di cawangan Bureau de Change Bank Islam seluruh negara termasuk di Terminal 1 dan Terminal 2 KLIA, Sepang; Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang; Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak.

Melengkapkan kemudahan yang disediakan, Bank Islam turut menempatkan 10 orang petugas khas di lima lokasi terpilih di Makkah dan dua di Madinah sepanjang musim haji ini bagi membantu jemaah Malaysia yang memerlukan sokongan perbankan. Petugas ini bersedia menangani pertanyaan berkaitan urusan perbankan, penggunaan kad serta isu transaksi, sekaligus memastikan bantuan segera dapat diberikan di lokasi ibadah. Kaunter-kaunter sokongan Bank Islam ini terletak di Makkah (Abraj Al Tayseer Al Janadriyah, Abraj Al Janadriyah, Rehab Al Janadriyah, Al-Kiswah Tower Hotel dan Qasr Al Janadriyah) serta di Madinah (Emmar Royale dan Anwar Al-Madinah Movenpick).

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, YM Raja Datin Paduka Teh Paduka Maimunah Raja Abdul Aziz, berkata, "Ibadah haji merupakan satu perjalanan rohani yang amat istimewa dan dinanti-nantikan. Di Bank Islam, kami berbesar hati dapat berjalan seiring dengan jemaah dalam perjalanan ini dengan memastikan urusan perbankan mereka diurus dengan selamat, mudah dan teratur, agar jemaah dapat menunaikan ibadah dengan lebih tenang serta penuh penghayatan."

Tambah beliau, Bank Islam kekal komited untuk menyokong kesejahteraan pelanggan melalui pendekatan holistik ini, seterusnya terus mengukuhkan peranan Bank sebagai rakan perbankan dipercayai bagi jemaah haji Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai perkhidmatan perbankan untuk jemaah Haji, kunjungi kaunter sokongan Bank Islam di Makkah dan Madinah; kunjungi mana-mana cawangan Bank Islam; layari laman web rasmi di www.bankislam.com atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan di talian +603- 26 900 900.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited dalam memastikan kemakmuran lestari dan mengikut nilai-nilai ESG. Ia merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak syarikat Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities, menawarkan perkhidmatan pelaburan dan pembrokeran saham.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com atau emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my.